

**Isytihar harta jika diwajibkan
Utusan Online
Januari 23, 2012**

KOTA BHARU 22 Jan. – Kerajaan Pas Kelantan hanya akan mengarahkan barisan Exconya mengisytiharkan harta masing-masing sekiranya perkara itu menjadi satu peraturan yang diwajibkan undang-undang.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, beliau sendiri bersedia mengisytiharkan hartanya sekiranya ia menjadi satu peraturan yang wajib namun berpendapat, menanam sifat takwa adalah lebih penting daripada mengisytiharkan harta.

Katanya, rasuah akan tetap berlaku meskipun harta pimpinan dan golongan penguasa diisytihar jika mereka tidak ada rasa takutkan pembalasan Allah dalam diri.

"Saya nak isytihar harta pun, tak padan nak isytihar. Tetapi tak apalah jika wajib isytihar, maka saya akan isytihar juga. Saya adalah satu, dua keping tanah yang orang tua tinggalkan.

"Tetapi sekarang ini sudah berapa puluh tahun saya dengar pasal isytihar harta tetapi rasuah tetap berlaku, bocor sana sini.

"Semua ini cerita yang mengerikan, pokoknya adalah takwa kepada Allah, ingat syurga ingat neraka, kaya macam mana pun macam Abu Jahal masuk neraka, miskin macam manapun macam Bilal tetapi masuk syurga," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Penghulu Mukim dan Majlis Penghulu Mukim di sini hari ini.

Seramai 776 penghulu mukim dan tanpa mukim termasuk 53 penghulu bukan Melayu dilantik bagi mewakili 597 mukim di seluruh negeri ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0123&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_04.htm